

SOALAN NO: 171

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATUK JUMAT HAJI IDRIS
KAWASAN : SEPANGGAR**

SOALAN:

YB DATUK JUMAT HAJI IDRIS minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal penguasaan syarikat-syarikat daripada Negara China yang pada ketika ini dilihat menguasai sektor pembinaan di Sabah yang mana menjejaskan banyak peluang pengusaha tempatan.

188

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod *Construction Industry Development Board* (CIDB) pada tahun 2017 menunjukkan hanya empat (4) projek bernilai RM221 juta dilaksanakan oleh kontraktor China berbanding keseluruhan projek di Sabah iaitu 362 projek yang bernilai RM2.2 *billion*.

Amalan biasa dalam pelaksanaan sesuatu projek memberi kuasa penuh kepada pemilik projek untuk menganugerahkan projek kepada kontraktor yang memenuhi kriteria yang diperlukan bagi pelaksanaan projek mereka. Bagi projek kerajaan, hanya kontraktor tempatan yang layak memasuki tender, melainkan bagi projek yang tiada kemahiran tempatan. Sebaliknya, bagi projek swasta, kontraktor tempatan mahupun kontraktor asing perlu bersaing dalam memperolehi kerja yang diiklankan menerusi tawaran yang kompetitif.

Antara inisiatif yang dilaksanakan ke arah penggunaan sumber tempatan merangkumi profesional, kontraktor mahupun bahan binaan adalah:

- a) Peraturan pendaftaran kontraktor sedia ada. Amalan semasa dalam mengawal pendaftaran kontraktor asing telah dilaksanakan melalui penetapan kriteria pendaftaran kontraktor asing di CIDB. Kontraktor asing diklasifikasikan berdasarkan peratusan pemilikan ekuiti asing yang melebihi 30 peratus daripada keseluruhan ekuiti syarikat. Kontraktor asing akan didaftarkan berasaskan projek (*project per project basis*) melalui dua (2) jenis pendaftaran, iaitu:

1. Pendaftaran perakuan sementara bagi tujuan menyertai sesuatu tender dan didaftar berasaskan projek; dan
2. Pendaftaran kontraktor asing yang diwajibkan bagi tujuan melaksanakan kerja pembinaan dan didaftarkan berasaskan projek;

Sementara kontraktor tempatan yang berdasarkan suatu tempoh tertentu antara 1 hingga 3 tahun layak menyertai mana-mana tender sepanjang tempoh pendaftaran masih berkuatkuasa;

- b) Penguatkuasaan ke atas pendaftaran kontraktor dan penggunaan bahan binaan berkualiti yang menepati piawaian Malaysia atau sepadan;
- c) Penetapan garis panduan penggunaan sumber tempatan bagi projek Kerajaan. Namun, bagi projek swasta, penggunaan sumber tempatan di kalangan pemilik projek adalah digalakkan;
- d) Penggalakkan penggunaan sumber tempatan di kalangan pemilik projek melalui melaksanakan program padanan keperluan projek dengan kepakaran dan keupayaan tempatan;
- e) Pembangunan kapasiti syarikat tempatan melalui pelbagai inisiatif di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (*CITP-Construction Industry Transformation Programme*) bertujuan meningkatkan kompetensi dan daya saing kontraktor dalam meraih peluang pembinaan daripada pelaburan; dan

190

- f) Pembangunan kepakaran pekerja binaan tempatan melalui program latihan dan akreditasi di Akademi Binaan Malaysia, CIDB.

Sekian, terima kasih.